

Untuk Siaran Segera

Panasonic Membawa Jelajah *Home Cinema* 3D Dan 4 Pameran Bergerak Karavan Produk

Petaling Jaya, 25 March 2010 – Panasonic Malaysia Sdn Bhd akan mempamerkan satu koc khas untuk TV Definasi Tinggi 3D bertemakan “Home Cinema Tour 2010” bersama-sama dengan 4 buah karavan bergerak berkonsep teknologi *inverter* “Mottainai”, karavan berkonsep Kesihatan & Kecantikan, Stesen Kecantikan Bergerak dan Pasukan Kembara *Evolta* selama 3 hari bermula pada hari Jumaat, 26 Mac hingga hari Ahad, 28 Mac bertempat di Pusat Membeli-belah Sunway Pyramid. Pameran ini dibuka untuk orang ramai bermula 10 pagi hingga 10 malam.

Koc TV Definasi Tinggi 3D yang mempunyai 20 tempat duduk ini dilengkapi dengan 4 unit VIERA Plasma Panasonic, TV LCD dan LED dari saiz 32 inci ke 42 inci dan satu unit TV Definasi Tinggi 3D bersaiz 50 inci.

Karavan Mottainai akan mempamerkan produk teknologi *inverter* seperti peti sejuk, mesin basuh muatan atas dan muatan depan serta lampu. Karavan Kecantikan dan Kesihatan pula akan mempamerkan produk seperti alat pancuran air tands, (*bidet*), alat pengion air beralkali, (*alkaline ionizer*) mesin basuh pinggan (*dish washer*) dan alat pembersih udara, (*air purifier*).

Kedua-dua Karavan Jelajah “Home Cinema Tour 2010” dan Karavan “Mottainai” akan bermula pada 10 Mei sehingga 11 Januari 2011. Jelajah ini akan mengembara seluruh Malaysia dan setiap lokasi pameran mengambil masa selama 4 hari dari hari Khamis hingga Ahad.

Karavan Stesen Kecantikan Bergerak akan menumpukan sasaran terhadap kumpulan kolej dan premis pejabat dan untuk pertama kalinya produk-produk kecantikan seperti *Nanocare* dan Pengering Rambut *Ionity*, Penggaya Rambut, Alat Wap Muka, Alat Wap Muka *Ionic*, Pencukur Wanita, *Epilators*, Pengikal Bulu Mata dan Pembersih Liang Roma dan Perapi Muka akan dipromosikan serta didemonstrasikan di pameran bergerak yang dijangka akan bermula pada bulan Jun 2010.

Pasukan Kembara Evolta yang pertama kalinya mengikuti pameran bergerak ini akan menunjukkan kepada pengguna kesemua saiz bateri Evolta dari saiz AA hingga ke AAA. Karavan ini akan mula menjelajah kawasan Lembah Klang bermula April 2010 untuk mempromosikan rekod terbaru Pusingan Le Mans 24 jam dengan menggunakan 2 biji bateri AA Evolta yang telah mencipta Rekod Dunia Guinness. Di pameran tersebut permainan dan pembelian bernilai akan dijalankan.

“Ini adalah kali pertama dimana 5 buah karavan kami akan dipersembahkan di pusat membeli-belah. Kami harap cara ini dapat memberi idea dan *trend* baru kepada pengguna di Malaysia untuk mengetahui serta mengalam produk kami dengan lebih dekat, bukan hanya semasa pameran 3 hari ini tetapi juga sepanjang pameran bergerak keseluruh Negara.” kata Jeff Lee, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia. “Sejak kami mula mengadakan pameran bergerak ini pada tahun 2008, kami berasa gembira dengan sambutan yang diberi oleh pengguna dari segi penerimaan produk dan jenama. Malah ia mampu membawa pulangan pelaburan yang baik. Ini juga membantu meningkatkan penjualan untuk rakan jualan kami.”

“Tarikan utama kami untuk pameran bergerak pada tahun ini adalah TV Definasi Tinggi 3D dan kami berharap lebih ramai pengguna dapat menyambut era terbaru dalam hiburan TV.” tambah beliau.

Selain dari tarikan pameran karavan di Pusat Membeli-belah Sunway, beraneka produk Panasonic akan dipamerkan di kawasan Pyramid Concourse untuk diamati oleh pengunjung.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media: Azizah Wahid
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat Penjenamaan
Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730
Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

###